

**WISAYAH DALAM PERUNTUKAN ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM NEGERI
SEMBILAN 2004**

Shahrina Romli*

Fakulti Undang-undang, Governan & Hubungan Antarabangsa
Kolej Universiti Islam Melaka
shahrina@kuim.edu.my

Mat Noor Mat Zain

Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
mnmz@ukm.edu.my

**Corresponding author*

Received Date: 25 September 2020 Accepted Date: 2 November 2020 Published Date: 8 December 2020

ABSTRAK

Tunggakan harta pusaka yang tidak dituntut seperti yang dilaporkan oleh akhbar semasa pada awal Januari 2020 telah mencapai angka RM 70 Billion. Keadaan ini adalah disebabkan kurang kesedaran dan sikap ambil mudah menangguh permohonan pembahagian harta pusaka menjadi salah satu faktor penyebab harta pusaka tidak dituntut oleh waris si mati sejak Malaysia mencapai kemerdekaan hingga hari ini. Oleh itu, kajian dibuat bagi melihat sejauh mana kelemahan dan kekuatan enakmen wasiat orang Islam Negeri Sembilan dapat membantu dalam menyelesaikan permasalahan ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti seksyen-seksyen yang memperuntukkan dengan jelas tentang peruntukan wisayah. Kajian yang dilakukan adalah berdasarkan analisis dokumen. Data-data diperolehi melalui bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku, kertas Prosiding Seminar, kajian-kajian lepas dan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan. Kemudian data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Hasil Kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa kekuatan yang sangat membantu dalam aspek wisayah dan juga mendapati sedikit kelemahan yang perlu ditambah baik dalam memastikan peruntukan wisayah dapat dilaksanakan dengan baik di mana penulisan wasiat yang diamalkan pada masa sekarang adalah berdasarkan akad wisayah yang merangkumi wasiat satu pertiga harta di dalamnya. Oleh itu, penulisan wasiat terikat dengan syarat-syarat dan hukum hakam wisayah dalam Islam.

Kata kunci: Penulisan wasiat, Tunggakan harta pusaka, Enakmen wasiat Orang Islam.

WISAYAH IN THE PROVISION OF THE WILL OF THE NEGERI SEMBILAN MUSLIMS ENACTMENT 2004

ABSTRACT

Unclaimed estate arrears as reported by the current media at the beginning of January 2020 have reached the figure of RM 70 Billion. This situation is due to lack of awareness and the attitude of taking it easy to postpone the application for the division of inheritance being one of the factors that cause the estate is not claimed by the heirs of the deceased from the time when Malaysia achieved independence until today. Therefore, a study was done to see the extent to which the weaknesses and strengths of the Negeri Sembilan Muslim will's enactment can help in solving this problem. The objective of this study is to identify the sections that clearly provide for the provision of wisayah. The study conducted is based on document analysis. The data were obtained through scientific materials such as books, Seminar Proceedings papers, past studies and the Negeri Sembilan Muslim Will Enactment. Then the data obtained were analyzed descriptively. The results of the study show that there are some strengths that are very helpful in the aspect of wisayah and also established some weaknesses that required to be improved in ensuring the provision of wisayah can be implemented well where the writing of wills practiced at present is based on in it. Therefore, the writing of a will is tied to the conditions and laws of hakam wisayah in Islam.

Keywords: *Will Writing, Arrears of Inheritance, Will Testament of Muslims*

PENDAHULUAN

Wisayah merupakan wasiat dari segi pentadbiran kerana dalam ber*wisayah* pewasiat perlu melantik pentadbir hartanya dan ianya berkuat kuasa selepas daripada kematian pewasiat. Dalam amalan *wisayah* dan wasiat ianya tidak jauh berbeza di mana keduanya saling berkaitan dan apa yang membezakan keduanya ialah dari segi bagaimana ia dilaksanakan sahaja. Di Malaysia terdapat tiga buah negeri yang mempunyai Enakmen Wasiat iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Enakmen tersebut dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pihak-pihak pengamal undang-undang dalam menyelesaikan sebarang pertikaian berkaitan hal wasiat.

KONSEP WISAYAH

Wisayah merupakan wasiat pentadbiran di mana di dalamnya terkandung surat pentadbiran wasiat dan dikenali pada hari ini dengan penulisan wasiat. Konsep *wisayah* merupakan satu konsep di mana di dalamnya membabitkan perlantikan *wasi* sebagai pentadbir harta dan ianya terikat dengan syarat-syarat *wisayah* (Abd Rashid Abd Latif, 1986). Dalam *Mu'jam Lughat al-Fuqaha* dinyatakan bahawa *wisayah* bermaksud kuasa perwalian dan penjagaan terhadap orang yang tiada kelayakan (*al-qasir*). *Wisayah* juga dikenali sebagai *al-isa'*. Akad *al-isa'* ialah permintaan sesuatu perkara daripada orang lain agar ditunaikan permintaannya selepas daripada kematiannya seperti menjelaskan hutang dan mengahwinkan anaknya. Bermula daripada itu dilantiknya *wasi* iaitu gelaran kepada individu yang lahir daripada pembentukan akad *al-wisayah* atau *al-isa'* ini. *Wasi* mendapat mandat pengurusan mereka yang tidak berkelayakan itu daripada pihak tertentu sama ada bapa, datuk atau hakim. Oleh yang demikian berdasarkan definisi umum akad *al-wisayah*, *wasi* adalah mereka yang diamanahkan dengan sesuatu tugas tertentu atau umum bagi melaksanakan tugas dalam hal yang membabitkan pengurusan kanak-kanak ataupun pengurusan pewasiat. *Wasi* dilantik melalui kontrak yang diasaskan melalui *ijab* daripada pewasiat dan penerimaan daripada *wasi* secara nyata atau diam tetapi disusuli dengan tindakan selepas kematian pewasiat. Perlantikan tersebut boleh dilakukan secara lisan atau

bertulis oleh seseorang mengenai kedudukan harta pewasiat untuk diuruskan selepas daripada kematiannya.

Namun demikian, perlantikan *wasi* pada masa sekarang banyak dilakukan secara bertulis yang dikenali sebagai ‘surat wasiat’. Pelantikan secara lisan terdedah kepada fitnah akibat arahan yang tidak jelas dan boleh dipertikaikan di kalangan ahli waris (Mat Nor Mat Zain, 2008).

DALIL PENSYARIATAN *WISAYAH*

Pensyariatan *wisayah* dalam Islam adalah berdasarkan kepada al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak para ulama. Al-Quran telah mensyariatkan *wisayah* berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akal nya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah SWT telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu, dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik”.

(al-Nisa: 4:5)

Ayat di atas menjelaskan bahawa tidak harus menyerahkan harta kepada kanak-kanak yang belum baligh dan mestilah menyerahkan harta tersebut kepada mereka yang boleh menguruskan harta secara berhikmah.

Selain daripada al-Quran terdapat hadis Rasulullah S.A.W. yang menjelaskan mengenai pensyariatan al-*wisayah*. Ibn Umar r.a berkata yang bermaksud:

“Daripada Ibn Umar r.a berkata Rasulullah S.A.W. telah bersabda “tidak wajar bagi seorang muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan membiarkan dua malam berlalu tanpa menulis wasiatnya”.

(Sohih al-Bukhari: 2587)

Bagi Ijmak ulama pula mengatakan bahawa *wisayah* adalah harus dalam menunaikan hak-hak dan melaksanakan wasiat yang ada dan menjaga kanak-kanak untuk diuruskan hartanya selagi mereka belum mencapai umur baligh.

PENGURUSAN *WISAYAH* DALAM PENTADBIRAN SEMASA

Pengurusan *wisayah* di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Wasiat 1959 dan Enakmen Wasiat Orang-Orang Islam dan di Negeri Sembilan contohnya pemakaian Enakmen Wasiat Orang-orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dan ianya berkuatkuasa terhadap wasiat orang Islam. Berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada ini, maka segala hal berkaitan dengan perkara wasiat dan *wisayah* maka hendaklah merujuk kepada akta dan enakmen tersebut. Di dalam Akta Wasiat 1959, seksyen 11 dan 23 menyentuh hal berkaitan dengan *wasi* manakala di dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 disebut di dalam seksyen 2 (tafsiran) dan hanya

menyentuh berkaitan definisi *wasi* sahaja. Seksyen 2 Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) menyebut:

“Wasi ertinya seseorang yang kepadanya diamanahkan pelaksanaan sesuatu wasiat orang yang telah mati dan termasuk seseorang yang disifatkan dilantik menjadi wasi oleh Mahkamah”.

Berdasarkan peruntukan tersebut maka dapatlah dilihat sememangnya di Malaysia diperuntukkan undang-undang atau statut-statut berkaitan dengan *wisayah* dan perlantikan *wasi* ini agar syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan ini boleh merujuk kepada peruntukan ini sebagai panduan.

Terdapat beberapa jenis kategori agensi-agensi penulisan wasiat di Malaysia. Antaranya adalah Syarikat-syarikat Amanah yang merupakan syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949. Kebanyakan dari syarikat-syarikat ini adalah syarikat yang disokong dan dimiliki oleh bank (Bank-based company) seperti Am Trustee Berhad, Maybank Trustees Berhad, HSBC Trustees Berhad dan sebagainya. Selain daripada itu, Amanah Raya Berhad juga tergolong di dalam kategori ini namun tertakluk di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Seksyen 17(1) memperuntukkan bahawa:

“Amanah Raya mempunyai bidang kuasa mentadbir harta pusaka secara terus yang mengandungi harta alih bernilai tidak lebih RM 600,000. Amanah Raya akan mengeluarkan akuan di mana dinyatakan di dalamnya harta yang akan ditadbirkan oleh Amanah Raya untuk dibahagi kepada waris-waris si mati. Pembahagian adalah mengikut Akta Pembahagian 1958 (bagi yang bukan Islam) atau hukum faraid (bagi yang beragama Islam) atau mengikut persetujuan atau persepakatan semua waris-waris yang berhak”.

As-Salihin Trustee Berhad adalah di antara syarikat amanah yang dimiliki secara persendirian. Syarikat-syarikat ini memberikan perkhidmatan penyediaan wasiat bagi orang Islam dan bukan Islam. Wasiat yang disediakan oleh syarikat-syarikat ini akan melantik syarikat amanah tersebut sebagai *Wasi* (Pentadbir Harta Pusaka) (Ariffin Sabirin, 2010).

Syarikat Penyedia Perkhidmatan (*Service Provider*) juga merupakan salah satu daripada kategori agensi penulisan wasiat. Syarikat jenis ini adalah bersifat yang berasaskan modal dan kepakaran dan tidak banyak syarikat dalam kategori ini kerana mereka perlu berdikari tanpa sokongan dari mana-mana pihak dan Wasiyyah Shoppe ialah di antara syarikat di dalam kategori ini. Kebiasaannya syarikat di dalam kategori ini lebih fleksibel kerana membenarkan pewasiat melantik *wasi-wasi* pilihan mereka seperti pasangan dan anak masing-masing.

Selain daripada dua kategori di atas, ejen-ejen penulisan wasiat kepada syarikat amanah memainkan peranan yang sangat penting di mana melalui ejen-ejen ini produk-produk tersebut dipromosikan kepada masyarakat. Perkembangan terbaru pasaran menunjukkan bahawa kebanyakan bank-bank tempatan menjalinkan hubungan strategik dengan syarikat-syarikat amanah bagi memperkenalkan wasiat kepada pelanggan mereka yang dipakejkan dengan produk pinjaman peribadi atau perumahan mereka. Strategi ini berjaya meningkatkan jumlah wasiat yang dibuat di Malaysia hingga ke tahap anggaran 170,000 orang semenjak dua tahun yang lepas. Bank Simpanan Nasional, Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Rakyat adalah di antara bank yang terlibat dalam strategi ini.

Namun demikian, keadaan ini mewujudkan banyak konflik dan rasa tidak puas hati di kalangan pelanggan kerana mendakwa mereka dipaksa oleh bank-bank untuk menandatangani wasiat sebagai syarat untuk ditawarkan pinjaman yang dipohon sedangkan mereka tidak bersedia atau sudahpun menyediakan wasiat masing-masing sebelum ini. Walaupun kebanyakan bank tempatan telah menjelaskan bahawa aktiviti ini bukanlah satu paksaan sebaliknya satu galakan, ia sering disalah anggap oleh banyak pihak. Paksaan untuk menyediakan wasiat ini akan mendatangkan implikasi besar kerana ia seolah-olah menyebabkan wasiat ini ditandatangani di dalam keadaan tertekan dan kesahihan wasiat tersebut boleh dipertikaikan (Ariffin Sabirin, 2010).

Pada dasarnya amalan pengurusan *wisayah* ini tiada masalah di sisi Mahkamah Syariah kerana perlantikan *wasi* adalah sah menurut syarak akan tetapi praktis di Mahkamah Sivil belum mengesahkan kaedah ini kerana tiada statut atau undang-undang bertulis yang secara jelas meluluskannya. Amalan *wisayah* ini membabitkan perlantikan *wasi* sebagai pemegang amanah kepada orang yang tidak mempunyai kelayakan untuk menguruskannya dan *wasi* yang dilantik memerlukan seseorang yang berkredibiliti dan arif dalam hal ehwal undang-undang ilmu syariah, perakaunan, dan mampu memikul amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Proses pentadbiran harta pusaka juga merupakan suatu proses yang memerlukan ketelitian dan akan menjadi rumit sekiranya tidak dilaksanakan dengan betul. *Wasi* juga terpaksa berhadapan dengan pelbagai karenah ahli waris yang tidak memberikan kerjasama yang baik sepanjang tempoh pentadbiran harta dijalankan. Oleh sebab itu, perlantikan *wasi* perlu dibuat dengan teliti bagi memastikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh pewasiat mampu dijalankan dengan baik (Naziree Md Yusof, 2008).

Penulisan wasiat yang ditulis oleh pelbagai agensi berkemungkinan berbeza di antara satu sama lain. Bagi Amanah Raya, dokumen wasiat yang disediakan mempunyai manual penyediaan yang semestinya perlu dipatuhi bagi memastikan wasiat yang disediakan adalah sah di sisi undang-undang Islam dan Sivil. Wasiat Islam boleh dibuat sama ada melalui lisan, bertulis dan di dalam kes tertentu wasiat juga boleh dibuat melalui isyarat yang difahami. Walau bagaimanapun, pengesahan wasiat adalah perlu bagi wasiat yang dibuat melalui kaedah lisan dan isyarat dan saksi-saksi wasiat mestilah mengemukakan keterangan di Mahkamah Syariah bagi membuktikan kesahan wasiat tersebut.

Amanah Raya hanya mengendalikan urusan penyediaan wasiat bertulis bagi mengelakkan pentadbiran harta pusaka pewasiat menjadi rumit dan sukar. Oleh yang demikian adalah penting bagi setiap Pegawai Amanah Raya yang menyediakan dokumen wasiat untuk mengambil arahan secara teliti daripada pewasiat dan memastikan pewasiat tidak dipengaruhi oleh sesiapa ketika arahan diberikan. Wasiat yang sah mestilah ditandatangani oleh pewasiat di hadapan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan atau empat orang saksi perempuan (Hairin Herlina Abd Halim, 2011).

Dokumen wasiat yang disediakan oleh Amanah Raya Legacy Services terbahagi kepada dua kategori. Kategori yang pertama ialah dokumen Wasiat Asas dan kategori kedua ialah dokumen Wasiat Komprehensif (Nasir Yahya, 2011). Dokumen Wasiat Asas adalah wasiat yang hanya mempunyai beberapa klausa penting iaitu perlantikan Amanah Raya sebagai *wasi* dan pemegang amanah, arahan pembayaran hutang yang ditinggalkan dan juga pembahagian kepada waris-waris mengikut hukum faraid /Akta Pembahagian 1958 (bagi yang bukan beragama Islam). Pewasiat boleh meminda dokumen wasiat mereka pada bila-bila masa terutamanya sekiranya berlaku pertambahan atau kematian benefisiari yang dinamakan di dalam wasiatnya. Pindaan

boleh dibuat dengan hanya menghubungi Jabatan Penulisan Wasiat di mana eksekutif yang bertanggungjawab akan sedia mendapatkan arahan terbaru daripada pewasiat. Wasiat terdahulu akan terbatal dengan kewujudan wasiat terbaru yang ditandatangani oleh pewasiat. Wasiat Komprehensif pula merupakan dokumen wasiat yang disediakan mengikut hasrat si mati. Arahan-arahan dan klausa yang terkandung di dalam wasiat tersebut adalah lebih terperinci. Perincian klausa-klausa wasiat tersebut adalah meliputi senarai harta, senarai benefisiari dan senarai hutang pewasiat termasuk pesanan-pesanan yang berbentuk nasihat khusus buat ahli keluarga yang bakal ditinggalkan.

Dari segi kadar harga pelaksanaan terhadap penulisan wasiat yang dibuat oleh pewasiat telah dinyatakan dalam seksyen 43 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 memberikan hak kepada *wasi* untuk menerima komisyen tidak melebihi 5% daripada nilai harta pusaka sebagai bayaran perkhidmatan yang pihak agensi telah berikan. Kebanyakan daripada agensi-agensi ini di Malaysia mengenakan caj-caj antara 2% - 4% dari nilai harta pusaka dan ini tidak termasuk fi bagi perkhidmatan yang lain seperti fi untuk membuka fail, fi guaman, fi carian, fi perjalanan, fi percetakan dan sebagainya (Ariffin Sabirin, 2010).

Bagi Amanah Raya Berhad, fi perkhidmatan pelaksanaan wasiat adalah bergantung kepada fi perkhidmatan pentadbiran harta pusaka, kadar fi pentadbiran harta pusaka berwasiat adalah tertakluk kepada kadar semasa. Bagi fi perkhidmatan penulisan dan penyimpanan wasiat seumur hidup di Amanah Raya Berhad adalah bernilai RM350 untuk wasiat Islam dan RM500-RM1000 untuk wasiat bukan Islam (Amanah Raya Berhad, 2011).

Kesimpulannya, pengurusan *wisayah* masih perlu ditambahbaik dari segi konsep pentadbirannya dan agensi-agensi yang menawarkan produk sedemikian perlulah berganding bahu bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya penulisan wasiat ini, hal demikian kerana masih ramai lagi masyarakat khususnya yang berada di luar bandar masih kurang memahami berkaitan isu wasiat ini kerana tiada pendedahan yang dilakukan dan mereka menganggap penulisan wasiat ini hanyalah dilakukan oleh golongan berada yang mempunyai harta yang banyak untuk diwasiatkan sedangkan setiap orang Islam adalah digalakkan untuk membuat wasiat.

TATACARA BERWASIAT

Wasiat ialah ikrar pemberian dan ia adalah sunat dan amat digalakkan dalam Islam. Islam membenarkan wasiat pemberian dibuat secara lisan, tulisan ataupun isyarat pada bila-bila masa sahaja semasa hidup selagi tujuan pewasiat jelas dinyatakan dan cara yang dilakukan sesuai dengan keadaan pada ketika itu dan apa yang diperlukan ialah perkataan yang dapat difahami dan mempunyai makna wasiat (Mohd Ridzuan Awang, 1988).

Walaupun begitu, umat Islam digalakkan membuat wasiat tersebut secara bertulis kerana memudahkan pembuktian dan tidak akan menimbulkan kesulitan dan keraguan di kemudian hari.

***Wisayah* dalam Bentuk Ucapan**

Wisayah adalah sebahagian daripada wasiat dan tanpa wasiat tidak mungkin wujudnya *wisayah*. Para fuqaha bersepakat bahawa wasiat dalam bentuk ucapan dibolehkan sama ada secara terang ataupun tidak terang tetapi difahami dengan jelas maksud tersebut dan pernyataan tersebut mestilah menunjukkan bahawa ia telah melepaskan haknya ke atas hartanya secara sukarela

selepas kematiannya kepada *wasi* yang dilantiknya sebagai pemegang amanah untuk menguruskan hartanya selepas kematiannya.

Wasi yang dilantik itu mestilah mencukupi syarat-syarat yang telah digariskan oleh syarak dan antaranya mestilah seorang yang baligh, berakal, merdeka, adil, amanah dan mestilah ia seorang yang beragama Islam dan tidak sah melantik *wasi* dari kalangan orang kafir, bayi dan orang gila yang tidak sempurna akalnya (al-Zuhaili, 1988). Menurut pendapat yang lain, bahawa sifat amanah yang disebutkan itu sudah cukup ditentukan daripada sifat adilnya dalam sesuatu perkara. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi "orang dalam" (yang dipercayai). mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu”.

(al-Imran, 3: 118)

Wisayah dalam Bentuk Tulisan

Walaupun wasiat boleh dibuat dalam bentuk ucapan tetapi sebaik-baiknya ia dibuat dalam bentuk bertulis supaya tidak timbul pelbagai spekulasi terhadap wasiat dan sebaik-baik penulisan wasiat hendaklah disaksikan supaya tidak timbul sebarang masalah selepas kematian (Mohd Ridzuan Awang, t.th). Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut”.

(al- Maidah 5: 106)

Berpandukan kepada nas penyaksian tersebut, maka Imam mazhab Sunni berpendapat bahawa keutamaan diberikan kepada wasiat bertulis yang ditulis sendiri oleh pewasiat dan disaksikan oleh para saksi yang adil samada lelaki atau perempuan dengan syarat mereka hendaklah beragama Islam dan bukan dari keluarga pewasiat. Sekiranya tidak dapat dilakukan dengan tulisan, maka dibolehkan juga wasiat dilakukan dengan ucapan atau isyarat sekiranya ia jelas menggambarkan maksud wasiat. Pemberian itu juga hendaklah disaksikan oleh para saksi yang adil dan beragama Islam kecualilah dalam keadaan terdesak atau dalam perjalanan dan tidak ada saksi yang beragama Islam.

Wisayah dalam Bentuk Isyarat

Wisayah dalam bentuk isyarat hanya dibolehkan kepada orang yang bisu sahaja atau orang yang tidak boleh bercakap akan tetapi jika orang yang bisu itu boleh menulis, maka wasiat secara isyarat tidak terbentuk. Sebaliknya jika orang yang boleh bercakap hendak membuat wasiat mengenai perkara-perkara yang kecil dengan isyarat yang membawa makna wasiat, maka itu boleh diterima tetapi bagi wasiat melibatkan perkara-perkara yang besar misalnya mewasiatkan sejumlah wang yang besar kepada seseorang, isyarat sahaja tidak boleh diterima akan tetapi

sekiranya seseorang yang tidak boleh bercakap, ia boleh menggunakan isyarat yang membawa makna wasiat dalam semua urusan wasiat (al-Marja ad-Dini al-Ala et.al, 1993).

PENULISAN WASIAT DALAM AMALAN SEMASA

Penulisan wasiat pada hari ini adalah tertakluk kepada hukum dan syarat-syarat *wisayah*. *Wisayah* merupakan wasiat pentadbiran dan ia berlandaskan kepada konsep amanah sepertimana konsep amanah (*trust*) di bawah undang-undang Sivill. Penulisan wasiat mengikut amalan semasa pada hari ini, bagi orang bukan Islam tertakluk di bawah Akta Wasiat 1959 dan bagi orang Islam ianya mesti selaras dengan hukum Syarak. Setakat ini terdapat tiga buah negeri yang telah pun mempunyai Enakmen Wasiat masing-masing iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005 dan Enakmen ini telah pun berkuatkuasa di negeri masing-masing. Seksyen 5(1) Akta Wasiat 1959 menyebut.:

“Tiada wasiat yang boleh menjadi sah melainkan ianya secara bertulis dan disempurnakan dalam cara yang kemudian ini disebut”.

Berdasarkan seksyen ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa wasiat mestilah ditulis dan mestilah disaksikan oleh dua orang saksi ataupun lebih seperti mana dinyatakan dalam seksyen 5 (2) Akta Wasiat 1959:

“Tiap-tiap wasiat hendaklah ditandatangani di kaki atau di hujung wasiat itu oleh pewasiat atau orang lain dengan kehadirannya dan dengan arahannya: tandatangan itu hendaklah dibuat atau diakui oleh pewasiat sebagai tandatangan kepada wasiatnya dengan kehadiran dua atau lebih saksi yang hadir pada masa yang sama, dan saksi-saksi itu hendaklah menandatangani wasiat itu dengan kehadiran pewasiat, tetapi tiada borang pengakusaksian yang diperlukan”.

Walau bagaimanapun bagi orang Islam sekiranya wasiat yang dibuat oleh si mati tidak ditulis ataupun terdapat halangan-halangan lain, hendaklah mendapat pengesahan terlebih dahulu daripada pihak Mahkamah Syariah bagi memutuskan sama ada wasiat yang dibuat itu sah ataupun tidak. Menurut Seksyen 4 Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 menyatakan bahawa:

“Jika terdapat halangan yang besar yang menghalang pengemukaan keterangan dokumentar yang disebut dalam subseksyen (1), wasiat itu boleh dibuktikan melalui keterangan lisan dua orang saksi”.

Amalan penulisan wasiat pada hari ini, banyak dilakukan oleh agensi-agensi seperti Amanah Raya Berhad, as-Salihin Trustee, Zar Perunding pusaka dan Wasiyyah Shoppe yang masing-masing menjalankan perniagaan dan pengurusan penulisan wasiat. Salah satu contoh agensi yang menyediakan perkhidmatan penulisan wasiat ini ialah Amanah Raya Berhad yang merupakan syarikat milik penuh kerajaan dan mempunyai kepakaran serta pengalaman selama lebih 85 tahun dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Amanah Raya kini muncul sebagai syarikat pengamanahan dan perwarisan utama yang mampu mengurus aset secara professional dan antara perkhidmatan yang ditawarkan di Amanah Raya ini ialah penulisan wasiat dan penyimpanan wasiat (Rafie Omar, 2010).

Penulisan wasiat yang dilaksanakan di Amanah Raya ini mengikut undang-undang dan memenuhi keperluan syarak bagi mereka yang beragama Islam. Antara klausa penting kandungan

dokumen wasiat di Amanah Raya ialah mengenai nasihat dan pesanan yang baik kepada isteri atau suami, anak-anak dan ahli keluarga yang lain, nama isteri atau suami, anak-anak dan waris yang layak, pengisytiharan harta dan hutang yang dimiliki, arahan untuk melunaskan segala hutang, menyatakan hasrat pengagihan harta kepada insan yang disayangi atau untuk tujuan kebajikan, pelantikan *wasi*, pemegang amanah dan penjaga bagi anak di bawah umur atau orang kurang upaya dan cacat akal, serta arahan pewasiat terhadap perbelanjaan yang diperlukan untuk mentadbir harta pusaka, pewasiat boleh menyatakan larangannya supaya tidak menggunakan hartanya bagi tujuan yang tidak bermanfaat kepada dirinya dan waris-waris yang ditinggalkan.

Dokumen wasiat tersebut mestilah ditandatangani oleh pewasiat dan disaksikan. Sekiranya pewasiat tersebut beragama Islam mestilah disaksikan oleh dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan atau empat orang saksi perempuan dan sekiranya pewasiat tersebut bukan Islam mestilah disaksikan oleh dua orang saksi lelaki atau perempuan. Amanah Raya juga menyediakan penyimpanan wasiat yang telah ditulis agar wasiat tersebut terjamin kerahsiaannya dan terhindar daripada pemalsuan serta perubahan yang tidak sah.

Dalam penulisan wasiat ini, Amanah Raya secara automatiknya dilantik sebagai *wasi* dan ia bertanggungjawab untuk memohon Geran Probet di Mahkamah Tinggi, mengenalpasti harta dan hutang si mati, melunaskan hutang dan memastikan cukai dibayar serta pemulangan cukai difailkan dengan teratur, membahagikan harta mengikut arahan yang diberikan dalam wasiat (bagi yang bukan beragama Islam) dan membahagikan harta mengikut hukum faraid kepada waris yang berhak dan benefisiari yang telah ditentukan oleh si mati dalam dokumen wasiat bagi orang Islam.

Seterusnya adalah mengenai fi perkhidmatan penulisan dan penyimpanan wasiat seumur hidup yang telah ditawarkan oleh Amanah Raya adalah sebanyak RM 350 untuk wasiat Islam dan sebanyak RM500-RM1000 untuk wasiat bukan Islam. Walau bagaimanapun, fi perkhidmatan pelaksanaan wasiat adalah bergantung kepada fi perkhidmatan pentadbiran harta pusaka. Kadar fi perkhidmatan pusaka berwasiat adalah tertakluk kepada kadar semasa.

PEMBATALAN WASIAT

Wasiat dianggap akad yang tidak mengikat dan bukan akad yang lazimnya mengikat seperti jual beli dan akad nikah. Oleh itu, pewasiat boleh menarik balik ke semua wasiatnya atau sebahagiannya atau mengubahnya atau menambah syarat baru kerana harta tersebut masih dalam hak miliknya selagi beliau masih hidup beliau bebas untuk menguruskannya. Pembatalan wasiat boleh dilakukan oleh pewasiat sendiri ataupun oleh penerima wasiat. Namun demikian penulisan wasiat boleh terbatal dengan cara munculnya faktor-faktor tertentu (Mustofa al-Khin et.al, 2009)

i. Pewasiat hilang keahlian seperti gila yang berterusan

Pewasiat atau *musi* itu mestilah baligh dan berakal. Dalam hal ini bermakna orang gila, kanak-kanak, orang yang hilang akal atau pengsan atau tidak sedarkan diri tidak boleh membuat wasiat atau jika membuat wasiat, wasiat itu tidak sah kerana mereka tidak mempunyai keahlian dalam melaksanakan urusan sedemikian (Shamsuddin Suhor&Noor Aziah Mohd Awal, 2007).

ii. Pewasiat murtad

Mazhab Shafii dan Hanafi berpendapat bahawa wasiat terbatal disebabkan pewasiat murtad dan dia meninggal dunia dalam keadaan murtad. Begitu juga penerima wasiat murtad boleh menyebabkan wasiat terbatal menurut pendapat mazhab Maliki. Manakala menurut Imam Nawawi wasiat untuk kafir *harbi* dan orang yang murtad adalah sah dengan syarat barang yang diwasiatkan kepada mereka itu bukan berupa senjata dan pandangan lain mengatakan bahawa wasiat tersebut tidak sah kerana mereka mesti dibunuh (Musa Fathullah Harun, 1994).

iii. Menggantungkan wasiat dengan sesuatu syarat yang tidak berlaku

Seseorang berkata “Jika aku meninggal dunia disebabkan sakitku ini atau jika aku meninggal dunia dalam pengembaraanku ini maka aku berikan kepada pulan sekian banyak hartaku. Kemudian selepas itu pewasiat tersebut tidak meninggal dunia, maka wasiat yang dilakukannya itu terbatal kerana syarat tersebut tidak berlaku (Mohd Zamro muda et.al, 2008).

iv. Penarikan balik wasiat

Penarikan balik wasiat yang telah dilakukan oleh pewasiat adalah hak dan keistimewaannya yang boleh dibuat pada bila-bila masa yang dikehendakinya sama ada ke atas semua atau sebahagian dari harta yang diwasiatkan. Ini kerana wasiat yang dilakukan itu merupakan suatu akad yang tidak lazim dan dianggap belum sepenuhnya berkuat kuasa selama pewasiat masih hidup serta pemberian wasiat juga merupakan perbuatan sukarela.

Penarikan balik wasiat boleh dilakukan secara terang-terangan seperti pewasiat mengatakan: ‘aku batalkan wasiatku itu’ ‘aku hapuskan wasiatku itu’ harta ini untuk warisku atau sebagai harta pusaka atau seumpamanya. Selain itu, penarikan balik juga boleh berlaku secara diam-diam yang akan membawa kesan yang sama seperti penarikan secara terang-terangan contohnya pewasiat menjual atau memberikan harta itu kepada orang lain atau pewasiat mengubah sifat harta yang diwasiatkan seperti kain yang diwasiatkan itu dijadikan baju atau sebagainya lagi sehingga hilang nama asal benda yang diwasiatkan itu (Abdul Rashid Abdul Latif, 1986).

v. Penolakan wasiat

Wasiat juga terbatal jika sekiranya penerima wasiat menolak atau tidak mahu menerimanya selepas kematian pewasiat. Sekiranya penerima wasiat itu menerimanya sebelum pewasiat meninggal dunia, maka boleh ia menolaknya apabila pewasiat itu meninggal dan sebaliknya jika penerima wasiat menolaknya sewaktu pewasiat masih hidup maka ia boleh menerimanya semula setelah pewasiat itu meninggal dunia, di mana ia boleh memaksa ahli waris atas sebab demikian kerana wasiat tersebut belum wajib selain setelah kematian pewasiat kerana selagi pewasiat itu masih hidup, sama ada penerimaan, penolakan ataupun diam sahaja itu adalah sama kerana keadaan pada masa itu, barang tersebut masih belum dimiliki.

vi. Penerima wasiat meninggal dunia sebelum pewasiat

Kebanyakan para fuqaha yang terdiri daripada Abu Hanifah, al-Shafii dan Ahmad bin Hanbal telah bersetuju bahawa kematian penerima wasiat sebelum kematian pewasiat menyebabkan wasiat itu akan terbatal. Keadaan ini adalah kerana penerima wasiat yang sepatutnya menerima wasiat itu sudah tidak wujud sedangkan syarat wasiat ialah wujudnya penerima wasiat setelah kematian pewasiat. Oleh yang demikian, dengan batalnya wasiat ini, maka hak ini akan kembali semula kepada pewasiat, maka terpulanglah kepada pewasiat itu untuk melakukan wasiat lain

yang dikehendakinya. Waris bagi penerima wasiat yang telah mati terlebih dahulu itu tidak berhak untuk mendapat apa-apa manfaat atau membuat apa-apa tuntutan ke atas wasiat yang dibuat kepada pewarisnya itu (Ezani Yaakub, T.th).

KEKUATAN DAN KELEMAHAN ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM NEGERI SEMBILAN 2004

Undang-undang dan pengurusan wasiat orang Islam di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri di mana kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang wasiat bagi orang-orang Islam dan Mahkamah Syariah pula mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes-kes wasiat yang melibatkan orang-orang Islam. Dalam bidang kuasa mal, Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan dan prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan wasiat atau alang semasa *maradh al-maut* seseorang si mati yang beragama Islam atau pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tak berwasiat.

Dari segi perundangan wasiat, setakat ini terdapat tiga buah negeri yang telah meluluskan undang-undang wasiat Islam secara bertulis iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (no.4 tahun 1999), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (no 5 tahun 2004). Di Wilayah Persekutuan terdapat rang undang-undang wasiat Orang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2001, tetapi rang undang-undang ini belum lagi diluluskan oleh Parlimen.

Kekuatan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004

Berdasarkan temubual pengkaji dengan Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan dan menurut beliau bahawa Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan ini, sememangnya ia perlu diwujudkan kerana ia dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi pengamal undang-undang agar sesuatu sistem itu dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dengan adanya Enakmen ini ia dapat dijadikan sebagai satu landasan untuk berhadapan dengan sesuatu kes wasiat. Justeru itu, dengan wujudnya Enakmen Wasiat ini dapat menjadikan ia sebagai contoh kepada negeri lain agar mencontohi Negeri Sembilan dengan mewujudkan enakmen wasiat bagi negeri masing-masing.

Selain itu, kekuatan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan ini lagi ialah, ianya hanya terpakai di Negeri Sembilan sahaja dan tidak dicampur adukkan dengan negeri lain membuatkan Enakmen Wasiat ini begitu penting dan ianya hanya berkuat kuasa kepada penduduk di Negeri Sembilan sahaja dan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan hal wasiat diwartakan di dalam Enakmen ini.

Kelemahan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004

Enakmen ini juga mempunyai kelemahan yang tersendiri yang perlu ditambahbaik demi mengekalkan kredibiliti Enakmen Wasiat tersebut. Merujuk kepada Enakmen Wasiat tersebut, telah dikenal pasti beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki untuk kegunaan pada masa akan datang. Menurut peruntukan seksyen 26(2), Enakmen Wasiat Negeri Sembilan yang bermaksud:

“Sesuatu wasiat yang dibuat kepada seseorang waris atas kadar yang melebihi satu pertiga tidak boleh dikuat kuasakan melainkan jika waris-waris mempersetujuinya selepas kematian pewasiat”.

Peruntukan di dalam Enakmen ini adalah terpengaruh dengan peruntukan perkara 37, Undang-undang Wasiat (Mesir) 1946 yang mengesahkan atau meluluskan wasiat kepada waris dan bukan waris atas kadar tidak melebihi satu pertiga tanpa mendapat persetujuan waris-waris. Perkara 37 Qanun Wasiyyah (Mesir) 1946 memperuntukkan:

“Sah sesuatu wasiat atas kadar satu pertiga kepada waris dan bukan waris dan berkuat kuasa tanpa perlu mendapat persetujuan ahli-ahli waris dan sah wasiat yang lebih daripada satu pertiga, tetapi tidak boleh berkuat kuasa, kecuali jika mendapat persetujuan ahli-ahli waris selepas kematian pewasiat dan mereka berkeahlian serta mengetahui apa yang mereka setujui”.

Peruntukan perkara 37, undang-undang wasiat Mesir itu adalah merupakan pendapat Syi^{ah} yang diterima dalam Undang-undang wasiat Mesir. Bagi jumhur fuqaha, wasiat kepada waris adalah tertakluk kepada persetujuan ahli waris (*mawqufah*). Jika ahli-ahli waris bersetuju maka wasiat itu sah, sebaliknya jika mereka tidak bersetuju, maka wasiat itu tidak sah. Bagi Maliki, wasiat kepada ahli waris yang berhak medapat harta pusaka adalah batal dan tidak perlu mendapat persetujuan ahli-ahli waris.

Dengan itu ternyata kepada kita bahawa peruntukan seksyen 26(2), undang-undang wasiat orang Islam Negeri Sembilan adalah bercanggah dengan amalan orang Islam dalam berwasiat yang tidak mengharuskan wasiat kepada ahli waris kecuali jika dipersetujui oleh semua ahli waris selepas kematian pewasiat. Undang-undang ini boleh dieksploitasikan atau disalah gunakan oleh agensi-agensi penulisan wasiat di negara ini yang membolehkan wasiat kepada ahli waris jika kadarnya tidak melebihi satu pertiga tanpa mendapat persetujuan waris-warisnya yang lain. Oleh itu, seksyen 26(2) perlu dipinda supaya selaras dengan amalan masyarakat Islam di negara ini yang berpegang dengan pendapat jumhur fuqaha. Di samping itu, persoalan untuk menentukan kesahan sesuatu wasiat adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Setakat ini tidak ada keputusan kes mengenai wasiat seseorang Islam kepada ahli waris yang telah diluluskan oleh mahkamah sama ada Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil kecuali jika mendapat persetujuan daripada ahli-ahli waris yang lain. Pindaan peruntukan seksyen 26(2) itu hendaklah dilakukan dengan mengambil kira pandangan jumhur fuqaha bahawa wasiat kepada ahli-ahli waris adalah sah jika waris-waris yang berhak bersetuju selepas kematian pewasiat.

Kelemahan yang kedua yang dikenal pasti dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan ini lagi ialah berdasarkan seksyen 27 berkaitan wasiat wajibah. Seksyen ini menerangkan berkiatan wasiat kepada cucu iaitu:

“Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu berhak kepada satu pertiga daripada harta pusakanya dan jika cucu itu diberi kurang daripada satu pertiga, bahagiannya

hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini”.

Dalam seksyen di atas, dengan jelas menyatakan bahawa wasiat wajibah hanya dihadkan kepada peringkat cucu (sama ada lelaki atau perempuan) daripada anak lelaki sahaja dan tidak berlaku dengan lebih luas lagi hingga kepada keturunan yang lebih rendah di sebelah bapa. Selain itu, dapat difahamkan daripada seksyen tersebut bahawa anak kepada anak perempuan tidak berhak mendapat wasiat wajibah. Penafian terhadap golongan tersebut mungkin kerana cucu terbabit dianggap sebagai *dhawi al-arham* yang tidak berhak mendapat pusaka selagi si mati meninggalkan waris *ashab al furud* dan *asabah*.

Merujuk kepada seksyen 29 Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004 ini iaitu kuasa membuat kaedah-kaedah di mana di dalam seksyen ini tidak diterangkan berkaitan dengan borang-borang atau dokumen yang diperlukan untuk membuat wasiat. Dokumen-dokumen ataupun jenis borang yang perlu diisi perlulah dinyatakan agar ianya memudahkan pelaksanaan penulisan wasiat ini. Begitu juga di dalam seksyen 2 Enakmen Wasiat ini menjelaskan berkaitan dengan *wasi* tetapi Enakmen ini tidak menjelaskan secara terperinci keadaan *wasi* yang bagaimanakah boleh menjadi pentadbir harta dan adakah semua orang boleh dilantik menjadi *wasi* ataupun terdapat syarat-syarat tertentu untuk membolehkan seseorang itu menjadi *wasi*.

Selain itu, di dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004 ini tidak dinyatakan proses untuk melaksanakan sesuatu wasiat daripada mula hingga akhir proses pelaksanaannya. Enakmen ini hanya menyentuh secara dasarnya sahaja dan tidak secara mendalam. Sekiranya proses pelaksanaan sesuatu wasiat itu di perincikan, masyarakat boleh menjadikan ianya sebagai panduan sekiranya mereka hendak membuat wasiat.

CADANGAN DAN PENUTUP

Pengurusan *wisayah* di Malaysia perlu diberikan pendedahan dari smea ke semasa kerana sebahagian masyarakat masih tidak memahami dengan jelas. Konsep pengurusan dan pentadbirannya perlu dipertingkatkan dan diperkemas untuk menggalakkan masyarakat menulis wasiat. Justeru demikian, penulisan ini mencadangkan agar syarikat-syarikat yang mengendalikan urusan perniagaan ini perlu melaksanakan satu inisiatif baru seperti mengadakan kempen-kempen penulisan wasiat, meletakkan harga untuk menulis wasiat dengan harga yang berpatutan dan tidak hanya mementingkan keuntungan perniagaan semata-mata tanpa memikirkan situasi masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan dan golongan. Selain itu, bagi pendapat pengkaji berkaitan seksyen 26(2) dan seksyen 27 berdasarkan kajian Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004 ini perlu disemak dan diteliti semula kerana ia adalah bercanggah dan bertentangan dengan amalan berwasiat bagi orang Islam dalam hal wasiat kepada ahli waris dan wasiat wajibah kepada cucu dan begitu juga dengan kelemahan-kelemahan yang telah dinyatakan boleh ditambahbaik untuk kebaikan pada masa akan datang agar Enakmen ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada negeri-negeri yang lain.

RUJUKAN

Abdul Rashid Abdul latif. (1986). *Wasiat dalam Islam: Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi
Al-Bukhari (2587), Kitab Wasoya, Bab al-Wasoya dan al-Muslim (1627), Kitab awal Wasiyyat,

- Al-Marja ad-Dini al-Ala, Ayatullah al-Uzma, Sayyid Muhammad Rida al-Musawi & al-Gulpaygani. (1993). *Mukhtasar al-Ahkam*, Markaz Ahl Bait, Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor
- Al-Zuhaili. (1998/1419H). Wahbah, *al-Wisoya wal Waqfu fi Fiqh Islami*, Darul fikr, Damsyiq Amanah Raya Berhad. (2011). fi perkhidmatan, [http://\[www.arb.com.my\]](http://[www.arb.com.my]), 1julai.
- Ariffin Sabirin. (2010). Peranan agensi-agensi dalam penulisan wasiat orang Islam dan sambutan masyarakat, *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam 2010*, Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- As-Shafi'i, Abi Abdullah Muhammad bin Idris, Kitab al-Umm (Kitab Induk), terj: TK.H. Ismail Yakub SH.MA. T,Th. Jil. 5, Victory Agencie, Kuala Lumpur, hlm. 460.
- Ezani bin Yaakub. t.th. *Fiqh pengurusan harta si Mati dan Wasiat: Teori dan Praktis*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara.
- Hairin Herlina Abd Halim. (2011). *Penulisan Wasiat di ARB*, Kuala Lumpur, Temubual, 13 Januari.
- Mat Noor Mat Zain. (2018). Kuasa wasi dalam pengurusan harta menurut Islam, *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf*, Bangi, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Ridzuan Awang. 1988. Undang-Undang Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia. Selangor: al-Rahmaniah.
- Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang. Abdul Basir Mohamad & Md Yazid Ahmad. 2008. *Pengantar Undang-Undang dan pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Musa Fathullah Harun. 1994. *Masalah Wasiat dan Faraidh*. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustofa Khin, Mustofa Bugha & Ali al-Syarbagi. 1430H/2009. *Al-Fiqh al-Manhaji ala Mazahib al-Imam al-Syafii*. Jil. 2. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Naziree Md Yusof. 2008. *Hukum Wisoyah & Realiti Permasalahannya dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam*.
- Nasir Yahya. (2011). *Penulisan Wasiat di ARB*, Kuala Lumpur, Temubual, 13 Januari.
- Rafie Omar. (2010). Peranan Amanah Raya dalam perancangan & pengurusan wasiat orang Islam di Malaysia. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam 2010*. Jabatan Syariah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi
- Shamsuddin Suhor Dan Noor Aziah Mohd Awal. 2007. *Undang-Undang Keluarga Sivil*. Jil. 9. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan Statut

- Akta Pembahagian 1958
Akta Perbadanan Amanah Raya 1995
Akta Probet dan Pentadbiran 1959
Akta Wasiat 1959
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004
Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999